

Panduan hadapi cuaca panas melampau ke Kabinet

» Antara syor tindakan perlu diambil jika gelombang haba berlaku

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

► Putrajaya

Cadangan garis panduan menghadapi cuaca panas melampau yang sedang melanda negara akan dibentangkan kepada Kabinet, esok.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata antara kandungan cadangan berkenaan adalah tindakan yang perlu diambil jika suhu mencapai tahap gelombang haba, termasuk keperluan dari segi penutupan sekolah, catuan air, pembeihan awan dan aspek kesihatan.

Katanya, kementerianya juga akan mencadangkan kepada Kabinet berhubung pe-



*“Antara kawasan yang mencatatkan suhu panas melampau termasuk **Chuping, Perlis; Alor Setar, Kedah; Lubok Merbau, Perak; Batu Embun, Jerantut dan Temerloh**”*

Wan Junaidi Tuanku Jaafar,
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

nubuhan satu jawatankuasa tetap bagi menangani isu cuaca panas melampau sebagai persediaan untuk masa akan datang.

“Garis panduan berkenaan akan dibuat berdasarkan tahap kepanasan. Jika gelombang haba berlaku, apa tindakan dan arahan kita se-

perti mengurangkan aktiviti luar dan keperluan kepada negeri untuk melakukan catuan air.

Cadangan diperhalusi Kabinet

“Semua cadangan garis panduan ini dirangka secara teliti dan akan diperhalusi oleh Ka-

binet,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Bagi Membincangkan Cuaca Panas Yang Melanda Negara di sini, semalam.

Wan Junaidi berkata, gelombang haba berlaku apabila suhu mencapai 35 darjah celsius selama lima hari berturut-turut dan dua darjah di atas min dalam tempoh 20 tahun atau 37 darjah celsius dalam masa tiga hari berturut-turut.

Ketika ini, cuaca panas melampau yang disebabkan oleh fenomena El-Nino memberi kesan besar kepada beberapa kawasan di utara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan bukan disebabkan oleh equinoks seperti yang didakwa setengah pihak.

“Antara kawasan yang mencatatkan suhu panas melampau termasuk Chuping, Perlis; Alor Setar, Kedah; Lubok Merbau, Perak; Batu Embun, Jerantut dan Temerloh.

“Selain itu, berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar, sehingga 14 Mac lalu, sebanyak 617 kebakaran terbuka dikesan di seluruh negara dan 52 kes dikenakan tindakan kompaun,” katanya.